BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

SIARAN AKHBAR

No Ruj.: 08/15/04

EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan sebelum pukul 1200 hari Khamis, 13 Ogos 2015

PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2015

TINJAUAN KESELURUHAN

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana pada suku kedua 2015. Dalam ekonomi maju utama, pertumbuhan di Amerika Syarikat dan United Kingdom terus bertambah baik manakala kadar aktiviti ekonomi di kawasan euro dan Jepun lebih sederhana. Pertumbuhan bagi kebanyakan ekonomi Asia menjadi sederhana pada suku kedua. Permintaan dalam negeri terus menyokong pertumbuhan dalam keadaan prestasi eksport yang lemah. Beberapa bank pusat ekonomi utama dan ekonomi sedang pesat membangun menurunkan kadar dasar di tengah-tengah kebimbangan yang meningkat terhadap pertumbuhan dan kadar inflasi yang rendah.

Ekonomi Malaysia berkembang 4.9% pada suku kedua 2015

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.9% pada suku kedua 2015 (S1 2015: 5.6%), didorong terutamanya oleh permintaan sektor swasta. Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang 1.1% (S1 2015: 1.2%).

Ekonomi Malaysia mengembang pada suku kedua
(pada harga malar tahun 2010)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan pada suku kedua. Penggunaan swasta berkembang pada kadar yang lebih sederhana sebanyak 6.4% (S1 2015: 8.8%) apabila isi rumah menyelaraskan perbelanjaan mereka berikutan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST). Pelaburan swasta meningkat dengan lebih sederhana sebanyak 3.9% (S1 2015: 11.7%) disebabkan oleh kemerosotan dalam perbelanjaan terhadap jentera dan kelengkapan, khususnya dalam segmen pengangkutan, dan pelaburan yang lebih perlahan dalam perkhidmatan kediaman (dwelling services). Pertumbuhan pelaburan awam bertukar negatif pada suku kedua (-8.0%; S1 2015: 0.5%), disebabkan terutamanya beberapa projek oleh perusahaan awam yang hampir siap, yang lebih daripada mengimbangi pertumbuhan positif perbelanjaan modal Kerajaan Persekutuan. Sementara itu, penggunaan awam mencatat kadar pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.8% (S1 2015: 4.1%), berikutan perbelanjaan lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan dalam keadaan pertumbuhan yang berterusan untuk emolumen.

Dari segi penawaran, sektor ekonomi utama mencatat pertumbuhan yang lebih sederhana pada suku kedua. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih rendah disebabkan oleh peningkatan lebih perlahan dalam kebanyakan subsektor manakala pertumbuhan sederhana sektor perkilangan disebabkan oleh prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih sederhana. Pertumbuhan sektor perlombongan terjejas terutamanya oleh pengeluaran gas asli yang lebih rendah. Sektor pembinaan juga mencatat pertumbuhan yang lebih rendah disebabkan oleh aktiviti benar dalam subsektor kediaman, bukan kediaman dan kejuruteraan awam yang sederhana. Sektor pertanian kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), meningkat 2.2% pada suku kedua 2015 (S1 2015: 0.7%), mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) pada 1 April. Kenaikan harga adalah menyeluruh, dengan kesemua dua belas kategori dalam kumpulan IHP mencatat inflasi yang lebih tinggi pada suku kedua berbanding dengan suku pertama. Sementara itu, harga bagi kategori *pengangkutan* merosot pada kadar yang lebih rendah sebanyak 3.6% pada suku kedua (S1 2015: -7.6%), mencerminkan pelarasan menaik terhadap harga bahan api dalam negeri.

Lebihan perdagangan berjumlah RM20.4 bilion pada suku kedua 2015 (S1 2015: RM21.3 bilion). Eksport kasar menguncup 3.7% (S1 2015: -2.5%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan eksport komoditi dan produk perkilangan berasaskan sumber. Import kasar juga mencatat penguncupan

sebanyak 5.2% pada suku tersebut (S1 2015: +0.2%), terjejas oleh prestasi yang lebih lemah dalam semua kategori import, kecuali import barangan penggunaan.

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM389.1 bilion (bersamaan dengan USD105.5 bilion) pada 30 Jun 2015. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 31 Julai 2015, kedudukan rizab berjumlah RM364.7 bilion (bersamaan dengan USD96.7 bilion). Paras rizab ini memadai untuk membiayai 7.6 bulan import tertangguh dan jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa, iaitu 3 bulan. Perlindungan rizab kepada hutang luar negeri ialah 1.1 kali, yang mencukupi bagi sebuah negara dengan tahap keterbukaan kewangan yang secara relatif tinggi.

Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) dalam mesyuarat-mesyuaratnya pada suku kedua 2015 mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25%. Pada paras semasa OPR ini, keadaan monetari terus menyokong aktiviti ekonomi. Meskipun ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa meningkat, kadar faedah dalam pasaran wang domestik kekal stabil. Kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat 3.16% hingga 3.25% pada suku kedua, manakala kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain (kurang daripada 1 bulan) secara relatif stabil. Bagi keseluruhan suku kedua, walaupun Kadar KLIBOR 3 bulan menurun daripada 3.73% kepada 3.69%, kadar niaga hadapan KLIBOR 3 bulan secara relatif kekal stabil, mencerminkan jangkaan pasaran bahawa kadar faedah dasar tidak berubah. Dari segi kadar runcit, kadar deposit dan kadar pinjaman kepada ekonomi pada amnya stabil sepanjang suku kedua. Kadar asas (Base Rate, BR) purata bank lebih rendah sedikit pada 3.88% pada akhir suku kedua berikutan langkah dua bank membuat semakan ke bawah terhadap BR mereka pada bulan Jun susulan trend menurun KLIBOR.

Agregat monetari berkembang dengan sederhana pada suku kedua. Wang secara luas atau M3 menurun sebanyak RM7.2 bilion pada asas suku tahunan. Namun, pada asas tahunan, M3 mencatat pertumbuhan sebanyak 6.0% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2015: 7.9%). Penurunan M3 pada suku kedua didorong terutamanya oleh tuntutan bersih yang lebih rendah terhadap Kerajaan, mencerminkan pembelian Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) oleh sektor swasta, yang diterbitkan berikutan jangkaan bahawa bon Kerajaan akan matang pada

separuh kedua 2015. Pertumbuhan M3 yang sederhana juga disebabkan oleh aset asing bersih sistem kewangan yang lebih rendah berikutan aliran keluar bersih pada suku itu. Namun demikian, penurunan M3 diimbangi sebahagiannya oleh pemberian kredit yang berterusan kepada isi rumah dan perniagaan. Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif stabil pada suku kedua.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal adalah sebanyak RM290.1 bilion (S1 2015: RM282.6 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan dan PDS terkumpul meningkat pada kadar pertumbuhan yang stabil sebanyak 8.3% pada suku kedua (S1 2015: 8.3%). Jumlah pengeluaran pinjaman kepada sektor perniagaan meningkat pada suku kedua dengan kredit yang lebih tinggi diberikan terutamanya kepada sektor *perdagangan borong dan runcit, dan restoran dan hotel; perkilangan; pertanian* serta *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi.* Khususnya, pembiayaan kepada PKS terus kukuh, dengan pinjaman PKS terkumpul meningkat dengan stabil sebanyak 17.2% (S1 2015: 17.2%). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 8.7% pada suku kedua (S1 2015: 9.8%). Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM39.3 bilion (S1 2015: RM21.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh peningkatan terbitan bersih sekuriti kerajaan dan sekuriti hutang swasta.

Ringgit dan mata wang serantau lain terus dipengaruhi oleh perubahan dalam sentimen pelabur dan pelaburan portfolio sepanjang suku kedua. Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 1.8% berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku tersebut. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.1%), dolar Australia (-2.5%), euro (-5.2%) dan paun sterling (-7.7%). Berbanding dengan semua mata wang serantau, kecuali baht Thailand (2.0%), ringgit menyusut nilai antara 0.1% hingga 3.9%.

Antara 1 Julai hingga 11 Ogos 2015, ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 4.2%. Berbanding dengan mata wang utama lain, ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-2.4%), yen Jepun (-2.4%) dan paun sterling (-3.3%), namun menambah nilai berbanding dengan dolar Australia (0.3%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau.

Kestabilan kewangan dalam negeri terus terpelihara

Daya tahan sistem kewangan kekal utuh meskipun pasaran kewangan global dan domestik terus tidak menentu pada suku kedua. Pasaran kewangan

domestik terus berfungsi dengan teratur. Bersama-sama dengan mudah tunai domestik yang masih lebih daripada mencukupi serta institusi yang kukuh, aktiviti pengantaraan kewangan terus berfungsi dengan cekap untuk memenuhi keperluan kewangan dan pembiayaan ekonomi dalam negeri. Dalam masa terdekat, sistem kewangan domestik dijangka kekal stabil, lantas menyediakan sokongan berterusan kepada aktiviti sektor benar dalam keadaan persekitaran operasi yang mencabar. Ujian tekanan[1] yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia juga menunjukkan bahawa permodalan bank dan penanggung insurans dijangka kekal kukuh walaupun di bawah senario simulasi aliran keluar portfolio yang besar.

Permodalan bank kekal pada paras yang kukuh. Pada akhir suku kedua 2015, nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1, CET1), nisbah modal kumpulan 1, dan nisbah jumlah modal jauh melebihi paras pengawalseliaan minimum, masing-masing pada 12.3%, 13.1% dan 15.2%. Lebih 80% daripada jumlah modal bank merupakan modal berkualiti tinggi, terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab. Penampan modal sistem perbankan kekal melebihi RM100 bilion. Nisbah kecukupan modal sektor insurans juga kekal kukuh pada 239.1% (S1 2015: 245.7%) dengan lebihan penampan modal sebanyak RM28.5 bilion.

Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, ekonomi global dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang sederhana, dengan momentum pertumbuhan yang berbeza-beza merentas ekonomi utama. Pertumbuhan global secara keseluruhan dijangka terus mendapat manfaat daripada harga minyak yang rendah, namun kesannya akan berbeza-beza merentas ekonomi. Di Asia, permintaan dalam negeri dijangka kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan memandangkan pertumbuhan eksport masih sederhana. Pertumbuhan global, bagaimanapun, telah menjadi lebih mudah terjejas kepada risiko pertumbuhan yang lebih rendah. Sebarang perkembangan buruk di Eropah, ketidakpastian yang lebih ketara terhadap pelarasan dasar dalam ekonomi maju dan ekonomi sedang pesat membangun, serta kemunculan semula ketegangan geopolitik boleh menyebabkan keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan antarabangsa berterusan.

Ekonomi Malaysia dijangka kekal pada landasan pertumbuhan yang stabil, dengan permintaan dalam negeri terus menjadi pemacu utama pertumbuhan.

[1] Penilaian ini mengambil kira pelbagai parameter kejutan yang ekstrem, termasuk kerugian yang dinilai mengikut pasaran daripada pemegangan ekuiti, risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan dedahan mata wang asing dalam kunci kira-kira dan kerugian kredit daripada perniagaan yang terjejas akibat turun naik yang ketara dalam kadar pertukaran.

Penggunaan swasta dijangka terus diselaraskan dengan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST), walaupun pertumbuhan upah dan keadaan pasaran pekerja yang stabil akan menyokong perbelanjaan isi rumah. Aktiviti pelaburan akan disokong oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, dan juga untuk projek infrastruktur. Perkembangan ini akan menyumbang ke arah mengimbangi prestasi sektor luaran yang lebih lemah.

Bank Negara Malaysia
13 Ogos 2015

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	9.2	6.7	4.6	-4.7	4.6	0.0
Perlombongan	9.0	2.1	1.0	9.6	6.0	7.8
Perkilangan	23.0	7.3	7.2	5.6	4.2	4.9
Pembinaan	4.3	10.0	14.5	9.7	5.6	7.7
Perkhidmatan	53.5	6.4	6.5	6.4	5.0	5.7
KDNK Benar	**100.0**[1]	**6.5**	**6.4**	**5.6**	**4.9**	**5.3**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.6**	**-**	**1.2**	**1.1**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2014 (%)	2014		2015		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri						
Agregat (tidak termasuk stok)	91.5	5.6	6.6	7.9	4.6	6.2
Sektor Swasta	68.5	7.9	8.4	9.6	5.7	7.6
Penggunaan	*51.8*	*6.5*	*8.7*	*8.8*	*6.4*	*7.6*
Pelaburan	*16.6*	*11.6*	*13.1*	*11.7*	*3.9*	*7.5*
Sektor Awam	23.0	-1.4	1.0	2.5	0.9	1.7
Penggunaan	*13.6*	*-0.2*	*5.5*	*4.1*	*6.8*	*5.5*
Pelaburan	*9.5*	*-3.2*	*-4.8*	*0.5*	*-8.0*	*-3.7*
Eksport Bersih	9.3	51.7	25.3	-10.2	-10.5	-10.4
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*76.1*	*8.7*	*8.3*	*-0.6*	*-3.7*	*-2.2*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*66.8*	*4.5*	*6.1*	*1.0*	*-2.8*	*-0.9*
KDNK	**100.0**	**6.5**	**6.4**	**5.6**	**4.9**	**5.3**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.6**	**-**	**1.2**	**1.1**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia